



SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/10/15_17 (HQ)

INSIDEN GANGGUAN TEKNIKAL DI STESEN JANAKUASA BEBAS EDRA, MELAKA : BEKALAN ELEKTRIK PULIH SEPENUHNYA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ingin memaklumkan bahawa bekalan elektrik yang terjejas susulan insiden gangguan teknikal di Stesen Janakuasa Bebas Edra, Melaka telah pulih sepenuhnya pada jam 5.54 petang, hari ini.

Insiden gangguan teknikal dikesan pada jam 4.12 petang di stesen janakuasa tersebut yang telah terpelantik dan menyebabkan kehilangan beban sebanyak 2,200 MW.

Pemulihan bekalan telah dilaksanakan secara berperingkat dan dipulihkan sepenuhnya pada jam 5.54 petang.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan yang terlibat dengan gangguan bekalan yang berasingan dan tidak berkaitan dengan insiden ini yang masih belum dipulihkan. Pihak kami akan meneruskan usaha tindakan pembaikan dengan kadar segera.

TNB amat menghargai kesabaran pelanggan yang terkesan dan memohon maaf atas kesulitan yang dialami. Keutamaan kami adalah memulihkan bekalan dengan selamat dan secepat mungkin bagi memastikan kestabilan sistem dan keselesaan pelanggan.

Untuk melaporkan sebarang gangguan bekalan atau mendapatkan bantuan, pelanggan boleh menghubungi kami melalui:

1. SARA the Chatbot di mytnb.com.my
2. Talian 15454 (24 jam)
3. Private Message (PM) di Facebook TNB Careline
4. Direct Message (DM) ke X: @Tenaga_Nasional
5. E-mel ke tnbcareline@tnb.com.my

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 Oktober 2025, jam 9:30 pm

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606
atau e-mel kami: media@tnb.com.my*